

BAB SATU

ISLAM DI MALAYSIA

1.0. Pengenalan

Bab ini cuba membicarakan beberapa persoalan tentang pergerakan massa dan yang bercorak Islam di Malaysia terutama mengenai urutan sejarah, tafsiran, kedudukan dan peranannya dalam sejarah sosial, sesuai dengan kenyataan bahawa Alam Melayu pernah menjadi suatu kawasan politik dan pusat perdagangan yang penting.

Penyebaran Islam dirantau ini, telah bermula sejak kurun permulaan hijrah.¹ Ia berkembang pesat kerana adanya peranan istana dan sokongan oleh pedagang-pedagang Islam dari Empayar China dan Benua Kecil India. Antara kesan penting daripada penyebaran Islam ke kawasan ini ialah lahirnya pergerakan sosial yang berunsurkan Islam. Dalam hal ini sejarah pergerakan yang berlandaskan Islam di Kepulauan Melayu harus diakui telah melalui beberapa tahap perkembangan, sesuai dengan kenyataan bahawa gugusan rantau Melayu ini pernah dijajah oleh Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Siri penjajahan sama ada oleh pihak Barat mahupun Timur ini sesungguhnya memberi kesan terhadap penyebaran dan penerimaan Islam oleh masyarakat tempatan.

¹ Teori sejarah dan pengaruh Islam di Alam Melayu telah banyak diperkatakan dan antara tulisan yang terperinci mengenainya boleh dilihat dalam Syed Muhd. Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory of the Islamisation of the Malay Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, 1969 ; Prof. S. Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore : Malaysian Sociological Research Institute, 1963. Lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pena, 1989, hal. 89 - 149.

Perlu diakui bahawa Islam telah membawa perubahan terhadap perwatakan intelektual dan spiritual orang-orang Melayu. Namun peranan pergerakan Islam sebagai satu kuasa sosial yang boleh membantu merevolusikan mental masyarakat Islam masih perlu diperincikan. Sehubungan dengan itu, dan mengambil kira penyebaran Islam sebelumnya dan sesudah termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, berakhirnya kuasa penjajah pada tahun 1957 serta berdasarkan perkembangan-perkembangan mutakhir dalam era merdeka sekarang, maka dirasakan lebih menepati sekiranya sejarah pergerakan Islam di Kepulauan Melayu dilihat pada empat tahap. Tahap pertama tahun 1404 - 1824, tahap kedua tahun 1824 - 1957, ketiga 1957 - 1981 dan tahap keempat 1981 hingga ke hari ini.

Tahap pertama merupakan era masuk dan berkembangnya Islam dan istana memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanannya penyebaran dan penerimaan Islam. Tahap kedua memperlihatkan usaha-usaha penjajah yang dengan dasar pecah dan perintahnya berhasil menghalang kebangkitan pergerakan-pergerakan yang berbau Islam. Tahap ketiga ialah perkembangan Islam dalam era merdeka di bawah pentadbiran Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Walaupun pada tahap ini Islam menjadi agama rasmi, tetapi penafsirannya hanya lebih menonjol sebagai agama '*ritual*' dan agama warisan.

Tahap keempat ialah perkembangan Islam dalam era kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Di sini Islam berkembang lebih subur kerana ia didokong oleh institusi-institusi sosial Islam. Kebangkitan Islam yang bermula awal dekad 70-an merupakan peristiwa penting yang mendorong perubahan sikap di kalangan para pemimpin dan rakyat, khasnya yang beragama Islam.

Perlu disebutkan, bahawa kehadiran golongan yang berpendidikan agama pada peringkat awal telah membantu menaikkan semangat para pejuang negara untuk mengembalikan masyarakat kepada menghayati Islam secara menyeluruh (*shumul*). Islam bukan saja merubah kepercayaan dan membebaskan pemikiran masyarakat yang terkongkong dengan nilai-nilai animisme, tetapi juga menimbulkan pemikiran yang dilandaskan dengan konsep-konsep tertentu;

"Agama Islam yang datang ke daerah ini telah membawa satu pemikiran baru dengan konsep-konsep rasionalisme, intelektualisme, dan penekanan kepada sistem masyarakat yang berdasarkan kepada kebebasan seseorang, keadilan dan kemuliaan dan keperibadian insan".²

Antara faktor yang nyata merealisasikan aspirasi tersebut adalah peranan pondok, yang statusnya boleh dilihat sebagai pusat pelbagai aktiviti dan dimensi kehidupan tradisional. Institusi ini dipercayai telah ada seawal pertapakan Islam di Semenanjung Malaysia. Selain Patani, salah sebuah negeri terawal di semenanjung yang mempunyai pengajian pondok ini ialah Terengganu yang dipercayai diasaskan pada kurun ke 17.³

1.1. Kebangkitan golongan reformis Islam

Salah satu kesan ajaran Islam yang ketara dalam pemikiran masyarakat Melayu pada zaman itu ialah lahirnya golongan "reformis Islam", yang memperjuangkan cita-cita islah atau gerakan pembaharuan dengan para pelopornya berpendidikan Arab-Islam. Perjuangan golongan reformis pada peringkat ini umumnya

² Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hal. 20.

³ Lihat Abdul Latif Hamidong, "Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu". *Kertas kerja Persidangan Antarabangsa mengenai Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur : 11 - 13 November 1986, anjuran KKBS - DBP.

didokong oleh tokoh-tokoh agama yang terpengaruh dengan aliran pemikiran Muhammad 'Abduh dan golongan al-Manar dari Mesir. Misalnya, tokoh reformis Sayyid Sheikh Al-Hadi amat menekankan tuntutan pembaharuan dalam Islam. Melalui *Al-Imam* beliau menyeru masyarakat Melayu supaya meninggalkan segala ajaran lapuk dan yang dilarang oleh Islam. Datuk Prof. Khoo Kay Kim merumuskan perjuangan golongan reformis seperti berikut;

"memadailah kalau dikatakan selama beberapa tahun mulai abad ke 20, golongan reformis itu menggalakkan orang Melayu mendalamai ilmu agama yang suci sebagai langkah yang paling berkesan sekali guna mengejar kemajuan"⁴.

Sumbangan mereka juga dapat dilihat dalam usahanya meniupkan semangat anti- penjajah dan mempelopori pergerakan sama ada yang menggunakan perkataan Islam atau tidak sehingga abad ke 20 ini. Kenyataan tersebut boleh dilihat dalam sejarah kebangkitan anti-Inggeris seperti yang pernah melanda beberapa negeri Melayu. Misalnya, kebangkitan anti-British di Perak tahun 1875, yang menyebabkan peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch, antara lain telah dicetuskan oleh anggapan bahawa pentadbiran Inggeris akan menjaskasikan kedudukan agama Islam⁵. Memang tidak dinafikan bahawa kegiatan anti-British pada peringkat ini tidak tersusun dan kurang terarah sehingga agak sukar untuk melihat keberkesanannya. Ini mungkin disebabkan belum adanya persatuan Melayu yang bercorak politik, walaupun sejak

⁴ Othman Mohd Yatim, "Kesedaran Kebangsaan Melayu - India." *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur : DBP, Jilid 12, 15 Mac, 1974, Hal. 23.

⁵ Abdullah Zakaria Ghazali , "Agama dan Kebangkitan Anti-British di Tanah Melayu". *Taradun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hal. 25.

tahun 1876 telah lahir persatuan-persatuan sukarela⁶ yang antara objektif utamanya berunsurkan kebudayaan dan hiburan.⁷

Walau bagaimanapun, mulai awal abad ke 20, gambaran perjuangan Melayu memperlihatkan kelainannya kesan dari kemunculan beberapa organisasi sosial yang tersusun dan bermatlamat untuk kepentingan bangsa atau sekurang-kurangnya untuk kepentingan kumpulan. Antaranya ialah perjuangan fundamentalis Islam yang menggunakan tokoh-tokoh berkarisme, media massa dan institusi pengajian (Islam) untuk mencapai wawasan perjuangannya.

1.2. Gerakan Fundamentalis Islam.

Fundamentalis sebenarnya adalah istilah ciptaan wacana Barat.⁸ Dalam konteks perjuangan kelompok-kelompok sosial yang menentang kehadiran penjajah di Tanah Melayu, istilah ini telah digunakan bagi mencerminkan usaha mereka membela nasib ummah dengan mengajak masyarakat supaya kembali kepada akar ajaran Islam sesuai dengan petunjuk Al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW. Dalam konteks Tanah Melayu, gerakan fundamentalis yang diistilahkan sebagai golongan reformis, bergerak dengan sokongan Jawi Peranakan yang mempunyai pengaruh Arab atau India, tetapi berasimilasi untuk menjadi Melayu.⁹ Kumpulan ini juga dikenali sebagai 'Kaum Muda'.

⁶ Persatuan pertama yang dibentuk pada tahun 1876 ialah Persatuan Jawi Peranakan yang menerbitkan akhbar *Jawi Peranakan* dengan tujuan menyelaraskan bahasa dan loghat Melayu yang berbagai-bagai.

⁷ W. R. Roff, *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 1975.

⁸ Fundamentalis merupakan istilah yang mempunyai konotasi khas dalam konteks sejarah gerakan agama di Barat. Pada tahun 1920, satu gerakan militan konservatif telah muncul di Amerika sebagai reaksi kepada penyebaran teori evolusi dan pegangan bahawa Injil adalah ciptaan sejarah. Mereka bangkit atas nama fundamentalisme dengan perjuangan untuk membetulkan salah faham dan penyelewengan agama Kristian yang sedang memuncak pada masa itu. Lihat *Encyclopedie Americana*, Vol. XII, hal. 164.

⁹ Lihat W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1967, hal. 191.

Mereka menjadikan Islam sebagai faktor dominan yang pada tahap akhirnya dimaksudkan agar masyarakat menyedari bahawa Islam itu bukan setakat satu kepercayaan.

Para pemimpin Kaum Muda yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah, selain daripada mengkritik '*taklid buta*' (*blind acceptance*) dan perbuatan *bid'ah* (menciptakan amalan-amalan yang tidak wujud pada zaman Nabi atau sahabat), juga menyeru orang-orang Melayu melalui lidah rasmi mereka iaitu '*Al-Imam*', agar bersaing dan menandingi ekonomi bukan Melayu yang jauh lebih kukuh. Ini berkaitan dengan kedudukan ekonomi, sosial dan pendidikan mereka yang masih mundur menjelang abad ke-20. Keadaan ini berlaku, terutama di kawasan luar bandar, disebabkan orang Melayu tidak mendapat bimbingan dan pimpinan dari golongan pemerintah Melayu seperti yang seharusnya¹⁰. Antara pemimpin terkemuka Kaum Muda ialah Sheikh Mohammad Tahir Jalaluddin Al-Azhari, Sayyid Sheikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas bin Mohd Taha , Sheikh Mohd Salim Al-Khalali¹¹ dan terutama sekali Sheikh Abu Bakar Ashaari¹².

¹⁰ Abdullah Haji Jaafar, "Al-Islam". *Lembaran Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1982.

¹¹ Fahaman pembaharuan aliran Asia Barat ini dihursti secara terperinci dalam Siddiq Fadhil, "Ash-Shaykh Muhammad Abduh : Suatu Tinjauan Kritis Terhadap Pemikirannya dan Mengenai Pengaruhnya dalam Masyarakat Melayu". Tesis Sarjana . IBBKM, UKM, 1978. Lihat juga Mohd Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900 - 1940-an". Tesis Sarjana, UKM, 1975.

¹² Tokoh dari Pulau Pinang, Sheikh Abu Bakar Ashaari adalah graduan undang-undang Islam yang belajar di Mesir dalam tahun 1925 - 1935. Beliau memulakan sebuah pergerakan Islah di kampungnya di Bayan Lepas, Pulau Pinang yang dikenali sebagai 'Kaum Muda' serta dianggap radikal dan progresif (lihat Berita Minggu, 12 April 1970). Banyaknya yang menimbulkan kontroversi berjudul '*Ibadah Rasulullah*' (Singapura : Percetakan Qalam, 1956). Menurut W. R. Roff , op. cit., 1975, hal 103. bahawa Sheikh Abu Bakar terkenal dengan ketegasannya dan berpandangan liberal. Dalam kajian ini, beliau adalah di antara tokoh yang dijadikan fokus penelitian guna melihat fakta-fakta tersurat tentang hubungkait perjuangan Kaum Muda dengan Parti Islam se Malaysia (PAS).

Sementara itu Kaum Muda yang cenderung dengan faham pembaharuan dari India, yang bersumberkan fikiran Syah Waliyullah al-Dahlawiyy¹³, tidak begitu besar pengaruhnya. Mereka adalah golongan pelajar Melayu di India atau sekurang-kurangnya berguru dengan ulama-ulama India. Antara yang menyokong pergerakan ini termasuklah golongan yang berpelajaran Barat di Tanah Melayu. Mereka itu tidak pernah belajar di India atau berguru dengan ulama-ulama India, tetapi mempelajari konsep-konsep pembaharuan pemikiran Islam melalui buku-buku yang ditulis dalam Bahasa Inggeris oleh ahli-ahli fikir Islah di India. Antara tokohnya yang terkemuka ialah Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900 - 1935) yang bergiat di Kota Bharu, Kelantan yang terpengaruh dengan ajaran Maulana Ubaidullah Al-Sindhi, seorang pengikut ajaran dan filsafah Syah Waliyullah al-Dahlawiyy.¹⁴

Dalam hubungan ini, kritik-kritik yang dilemparkan oleh kumpulan reformis ini terhadap para ulama dan guru agama yang mengamalkan taqlid, menyebabkan terjadinya persengketaan antara mereka dengan pihak '*establishment*' di majlis atau jabatan-jabatan agama. Dari sinilah maka masyarakat kemudian menggolongkan ulama serta mereka yang memperjuangkan cita-cita islah sebagai 'Kaum Muda', manakala ulama yang mempertahankan '*taqlid*' dan pihak '*establishment*' sebagai 'Kaum Tua'.¹⁵

Sementara itu, *Al-Imam* sebagai media penyalur aspirasi dan pendirian Kaum Muda amat berkesan sekali dalam usahanya merealisasikan konsep-konsep perjuangan

¹³ Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, "Sepintas Lalu Tentang Tariq Syah Waliyullah ad-Dahlawi dan Pengalirannya ke Aliran Melayu." *Pendidikan Malaysia : Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hal. 59 -69.

¹⁴ Gagasan pemikirannya boleh dilihat dalam, Abdul Majid Hj. Khatib, *Beberapa Pendapat Syah Waliyullah*, Selangor : Thinkers Library, 1987.

¹⁵ Lihat W. R. Roff, "Kaum Tua and Kaum Muda : Innovation and Reaction Among The Malays 1900 - 1940." *Papers on Malayan History: International Conference on South East Asian Histories*, K. G. Tregonning(ed.), Singapore : Journal of South East Asian History, 1962, hal. 160 - 189.

yang telah digariskan. Di samping menitikberatkan aspek politik¹⁶, *Al-Imam* turut menghidupkan obor islahnya dengan sokongan terbuka terhadap institusi pengajian Islam. Misalnya, *Al-Imam* menyokong usul penubuhan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah yang dibuka di Singapura pada tahun 1907 oleh seorang yang berbangsa Mesir, Othman Effandi Rafat di bawah naungan raja Ali Kelana (Raja Haji Ali bin Ahmadi) dari Riau¹⁷. Madrasah itu mungkin yang terawal menawarkan pengajian bercorak moden. Antara mata pelajaran yang ditawarkan ialah Bahasa Arab, Agama, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Sejarah, Geografi dan Khat Bahasa Arab. Walaupun madrasah itu hanya aktif dalam satu jangka masa yang singkat, tetapi bolehlah dianggap kehadirannya di tengah-tengah perjuangan rakyat meninggalkan satu kesan yang cukup penting. Paling kurang, sumbangannya boleh kita lihat, iaitu sebagai perintis terhadap penubuhan madrasah-madrasah lainnya hampir di seluruh pelosok tanah air. Misalnya, pembukaan Madrasah al-Masyhur al-Islamiyah di Pulau Pinang diilhamkan hasil dari berdirinya Madrasah al-Iqbal. Madrasah tersebut yang dibuka dalam tahun 1918 dipimpin oleh mudirnya Al-Hadi dan dibantu oleh Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Maghribi.

Dalam tahun 1922, Sultan Perak pernah menjemput Sheikh Abdullah Maghribi agar membuka Madrasah Idrisiyah di Kuala Kangsar. Namun disebabkan Kaum Tua menentang dengan hebat idea pembaharuannya, maka beliau beralih ke Pulau Pinang. Sementara itu, di Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak pada tahun 1934 dibuka

¹⁶ Abu Bakar Hamzah, *The Political Aspect of the Muslim Fundamentalist Movement in Malaysia During 1906 - 1908*, Kuala Lumpur : Pustaka Zakry Abadi, 1983.

¹⁷ Keterangan lanjut mengenai peranan Al-Imam, lihat Abu Bakar Hamzah, "Al-Imam : Its Role in Malay Society 1906 -1908." Thesis Master of Philosophy, Kajian Asia Tenggara, Fakulti Sains Sosial, University of Kent, England, 1981.

Madrasah al-Hadi al-Diniyyah.¹⁸ Pelopornya adalah bekas pelajar-pelajar Al-Masyhur dan madrasah itu pernah menjadi tempat berlindung pejuang-pejuang yang dianggap kiri oleh penjajah Inggeris.

Sebuah lagi institusi pendidikan yang mempunyai sumbangan besar dalam usaha memupuk bibit-bibit perjuangan berlandaskan Islam ialah Madrasah al-Ihya al-Sharif (MIAGUS) yang dibuka di Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1934, dengan pengasasnya Ustaz Abu Bakar Al-Bakir¹⁹. Madrasah ini asalnya dari sekolah pondok al-Rahmaniah yang diusahakan oleh mertua Ustaz Abu Bakar, iaitu al-Ustaz Haji Abdul Rahman bin Mahmud yang diasaskan pada tahun 1919 - 1924 untuk menamatkan pengajiannya di peringkat rendah. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran selama 6 tahun di Sekolah Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah, Kepala Batas dan dari sini beliau menyambung pengajian di sekolah tinggi agama Idrisiyah. Dasar perjuangannya adalah jelas seperti yang terkandung di dalam kata-kata hikmatnya, '*Di dalam Islam ada bangsa, tetapi di dalam bangsa tidak semestinya ada Islam.*'

Madrasah ini mengalami perkembangan pesat hasil daripada sambutan masyarakat, dan pada tahun 1939 terdapat lebih daripada 400 pelajar menuntut di sini. Kesannya madrasah ini kemudian dinaikkan tarafnya menjadi Ma'ahad al-Ihya' al-Sharif (MIAGUS). Pada tahap awal, Maahad ini tidak semata-mata menekankan perihal pentingnya ilmu, malah masyarakat, terutama para penuntutnya, diberi kesedaran betapa pentingnya bergerak melalui persatuan-persatuan politik. Kesedaran itu

¹⁸ Mohd Sarim Hj. Mustajab, "Syeikh Mohammad Tahir Jalaluddin al-Falaki : Pelopor Gerakan Islam Islamiyyah di Tanah Melayu" dalam *Malaysia in History*, Vol. 20, No. 2, 1977.

¹⁹ Dikutip dari wawancara Nabir Haji Abdullah dari Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM di rumah Allahyarham di Gunung Semanggol pada 12 Jun 1973. Lihat Nabir bin aji Abdullah, "Ustaz Abu Bakar Al-Baqir," dalam *Kenangan*, Rencana dirujuk di Perpustakaan Pusat Latihan ABIM, Kajang, tanpa tahun, hal. 1.

ditanamkan oleh para guru agamanya yang didatangkan dari Indonesia melalui kursus-kursus latihan perguruan yang dianjurkannya.

Tenaga pengajar di MIAGUS bertambah kukuh dengan masuknya 7 orang tokoh reformis yang mendapat pendidikan di Minangkabau, Mesir, Dar al-'Ulum, Mekah dan Jam'iyyah Milliah, India. Kesannya boleh dilihat dari beberapa sudut. Pertama berkembangnya ideaologi Kaum Muda dari kedua tertubuhnya cawangan Kesatuan Melayu Muda di Gunung Semanggol pada tahun 1937. Para pelajar di MIAGUS kemudian turut sama menyertai Kesatuan Melayu Muda, cawangan Gunung Semanggol yang ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub, seorang tokoh nasionalis. Mereka tidak ketinggalan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti seperti menerbitkan rencana-rencana tentang masalah sosio-ekonomi orang Melayu yang disiarkan dalam beberapa akhbar tempatan, seperti *Utusan Melayu*, *Warta Negara* dan *Warta Kinta*.²⁰

Selepas Perang Dunia Kedua, peranan MIAGUS lebih ketara kerana perhatiannya yang besar terhadap bidang ekonomi. Pada 22 Mac 1947, di Maahad ini telah dilangsungkan Persidangan Agung Ekonomi-Agama se Malaya yang dihadiri oleh sekitar 2000 perwakilan dari kalangan ulama lulusan Mesir, Arab, India dan Indonesia. Tujuannya bagi meluaskan penyebaran agama dan menyusun ekonomi bagi memaju dan meninggikan ekonomi bangsa yang selama ini dikuasai oleh orang-orang asing, khasnya Cina.

Antara keputusan penting dalam sidang tersebut ialah dipersetujuinya pembentukan PEPEMAS (Pusat Perekonomian Melayu se Malaya) di mana setiap negeri mempunyai dua orang wakil. Persidangan di MIAGUS itu juga telah membawa

²⁰ Khoo Kay Kim, "Perkembangan Pelajaran Agama Islam ". Dalam Awang Had Salleh (ed.), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti, 1980.

kepada penubuhan MATA (Majlis Tertinggi Agama) dengan tujuan mengorganisas dan mengambil alih sistem pentadbiran agama dari tangan Raja-raja Melayu dan ulama 'establishment' yang bertugas di majlis-majlis dan pejabat-pejabat agama negeri²¹. Di persidangan ini juga telah ditubuhkan sebuah Lembaga Islam se Malaya yang fungsinya untuk mengendalikan hal-hal pentadbiran agama.

Pada bulan September dan Oktober 1947, MATA telah mengadakan dua persidangan di Alor Setar, Kedah dan di MIAGUS. Keputusan terpenting dari perjumpaan yang dihadiri oleh 300 peserta itu ialah ditubuhkan satu majlis berkaitan dengan pendidikan rakyat yang dikenali dengan nama LEPIR atau Lembaga Pendidik Rakyat. Beberapa resolusi turut diluluskan dalam kedua-dua mesyuarat itu. Satu daripadanya ialah membantah peraturan kerajaan yang melarang aktiviti-aktiviti politik di sekolah dan menghimbau kerajaan supaya membataalkan peraturan yang menetapkan bahawa tauliah dari sultan mesti diperolehi sebelum guru-guru agama layak mengajar di luar lingkungan keluarganya.

Walaupun MATA adalah badan Islam pertama di Tanah Melayu yang paling muda ketika itu, namun ia mendapat sokongan yang cukup meluas. Belum sampai usianya menjangkau satu tahun, MATA telah mempunyai cawangan di 9 buah negeri Melayu dan di Melaka serta di Pulau Pinang. Pada tahun 1948, dalam kongres rakyat (Persidangan tahun pertama) MATA yang juga di adakan di MIAGUS (lanjutan dari persidangan agong Ekonomi - Agama), sebuah parti politik Islam, Hizbul Muslimin telah ditubuhkan. Persidangan itu dihadiri oleh sekitar 5000 orang peserta mewakili pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan dari seluruh Tanah Melayu dan Singapura. Mereka yang diundang termasuklah wakil *Malayan Democratic Union*

²¹ Muhd Sarim Haji Mustajab, op.cit., 1977, hal. 168.

(MDU), wakil Partai Komunis Malaya - PKM dan wakil Barisan Tani, iaitu Musa Ahmad yang kemudian menjadi pengerusi PKM.²²

Sementara itu, Kesatuan Melayu Muda (KMM) lahir kerana meningkatnya kesedaran pemuda-pemuda Melayu yang progresif setelah melihat kegiatan rancak beberapa pertubuhan semi politik Melayu di Semenanjung termasuk di Singapura. KMM berbeza dengan pertubuhan-pertubuhan sosial yang lahir sebelumnya sebab pertubuhan-pertubuhan pada peringkat awal itu lebih bersifat kenegerian dan diketuai oleh elit-elit tradisional konservatif. Sebaliknya KMM dipelopori oleh golongan belia *futuristic*²³ dan sepenuhnya anti pemerintahan Inggeris.

KMM dipelopori oleh Dr. Ishak Haji Muhammad dan Ibrahim Yaakob. Para pengkaji sejarah berbeza pendapat tentang tarikh sebenar penubuhannya. Raden Sunarno²⁴ dan pengasasnya sendiri, iaitu Ibrahim Yaakob²⁵ mencatatkan penubuhan KMM pada bulan Mei 1937, tetapi pengkaji lainnya seperti W. R. Roff²⁶ dan Cheah Boon Kheng²⁷ mengatakan KMM ditubuhkan pada tahun 1938. Walau bagaimanapun, boleh disimpulkan bahawa KMM diasaskan antara tahun 1937 - 1938.

Berdirinya KMM boleh dianggap sebagai *turning point* dalam siri perjuangan bangsa Melayu menentang penjajah, kerana ia menandakan permulaan ideaa politik

²² Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics : Its Origin and Early Development*. P.Jaya : Pelanduk Publications, 1985

²³ Raden Sunarno, "Malay Nationalism 1900 - 1945". *Journal of South east Asian Studies(JSEAS)*, Jilid 1, No. 1, Mac 1960

²⁴ Ibrahim Yaakob, *Sekitar Malaya Merdeka*. Jakarta, 1957.

²⁵ W. R. Roff, *op.cit.*, 1975.

²⁶ Cheah Boon Kheng, "The Japanese Occupation of Malaya, 1941 - 1945 : Ibrahim Yaacob and The Struggle for Indonesia Raya". *Indonesia*, No. 28, Okt. 1979.

radikal orang-orang Melayu. Keradikalannya boleh ditinjau dari tiga sudut. Pertama kerana perjuangannya tanpa menyatakan setia kepada Sultan dan kerajaan Inggeris, tetapi tidak pula menyebut 'tidak mahu bekerjasama'. Kedua, kerana prinsipnya semata-mata untuk membangkitkan kesedaran bangsa dan pelajaran para anggotanya dari kalangan bawahan. Ketiga, boleh dilihat dari tujuan penubuhannya seperti yang diakui oleh pengasasnya Ibrahim Yaakob,

"Untuk melenyapkan belenggu penjajahan asing dan melahirkan sebagai gantinya, negara Tanah Melayu yang bebas dan untuk melahirkan satu kesatuan politik yang dianggotai oleh bekas-bekas tanah jajahan Inggeris dan Belanda dalam bentuk yang dinamakan 'Indonesia Raya / Melayu Raya' yang kemudian akan menjadi satu bangsa yang besar di Asia Tenggara."²⁷

Menurut Dr. Ishak Haji Mohammad, KMM bukan bertujuan untuk menggulingkan kerajaan, dan tidak akan tahu cara bagaimana hendak melakukannya. Tujuan utamanya ialah hendak menghalang orang-orang Melayu dari diperas oleh bangsa lain dan menimbulkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu melalui penulisan rencana dalam akhbar-akhbar.²⁸ Namun begitu, pendirian KMM untuk tidak berkerjasama, khususnya di kalangan para pemimpinnya adalah jelas. Menurut W. R. Roff,

"Mereka membenci kolonialisme dalam segala manifestasinya, dari kapitalisme asing hingga pada kemarahan-kemarahan kecil yang ditimbulkan oleh prasangka bangsa dan keangkuhan diri yang ditunjukkan oleh ramai orang Inggeris di Malaya, dan mereka juga benci kepada penjilat-penjilat dari golongan atasan yang tradisional, yang mendapat faedah dari pemerintahan kolonial dan mengekalkan kedudukan mereka dengan menjadikan kaum tani dan proletar kota sebagai batu loncatan mereka."²⁹

²⁷ Ibrahim Yaakob, *Nusa dan Bangsa Melayu*. Jakarta, 1951, hal. 60.

²⁸ Abdul Samad Ahmad, *Sejambak Kenangan - Sebuah Autobiografi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hal. 52 - 153.

²⁹ W. R. Roff, op. cit., 1975, hal 296.

Dengan menggunakan slogan perjuangannya, iaitu 'Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu', tidak sampai dua tahun dari masa penubuhannya, KMM telah membuka cawangannya di seluruh Tanah Melayu, termasuk Melaka dan Pulau Pinang (kecuali Perlis). Antara faktor yang membantu perkembangannya kerana persamaan di kalangan para pemimpin dan penyokongnya berhubung dengan latar belakang dan asal-usul sosial mereka, iaitu *non-aristokrat* dan keluarga petani.

Bidang kewartawaan yang diceburi oleh Ibrahim Yaakob dan Dr.Ishak Haji Mohammad turut membantu menyalurkan aspirasi perjuangan mereka bagi merubah nasib bangsa. Melalui akhbar *Majlis* dan kemudiannya *Warta Malaya*, kempen-kempen anti-British secara terbuka dijalankan. Di samping itu, KMM juga mempunyai cawangan perisikan (*intelligence branch*) untuk mendapat maklumat-maklumat rahsia tentang tokoh-tokoh tentera British. Menjelang pendudukan Jepun pada bulan Jun 1942, KMM telah diharamkan daripada bergerak.

Secara tidak langsung, terdapat persamaan antara perjuangan KMM dengan pergerakan fundamentalis Islam, terutama dalam memberi kesedaran tentang keperluan menentang penjajahan. Kedua-dua kumpulan dianggap lebih radikal kalau dibandingkan dengan pertubuhan-pertubuhan yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua.³⁰ Pendekatan keduanya juga mencerminkan keinginan yang serupa, iaitu menghalau penjajah secara halus dengan mendidik masyarakat melalui pendidikan rasmi dan tidak rasmi, supaya mereka sedar akan hak-hak dan tangungjawab mereka bagi membebaskan diri dari belenggu penjajahan. Ini bererti kedua-duanya cuba mengelakkan kaedah berjuang dengan kekerasan fizikal. Persamaan ketiga, iaitu

³⁰ N. J. Funston, *Malay Politics in Malaysia : A Study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur : Heinemann Educational Books (Asia) , 1980, hal. 34.

menggunakan media massa sebagai *mediator* penting bagi menyampaikan mesej perjuangan masing-masing.

Sementara itu, memang tidak dinafikan ada perbezaan yang nyata dalam catatan sejarah mengenai kelahiran KMM dan pergerakan fundamentalis yang didokong oleh golongan berpendidikan agama, sedangkan KMM diperjuangkan oleh golongan sekular dan intelligensia berpendidikan Melayu terutamanya guru-guru dan wartawan³¹. Tetapi, perbezaan latar belakang itu bukan menjadi penghalang besar, kerana yang lebih penting adanya keselarasan ideaa untuk mendidik dan membebaskan masyarakat dari cengkaman penjajah. Ini terbukti dengan adanya hubungan dan keinginan berkerjasama antara kedua pihak. Misalnya, tokoh-tokoh KMM seperti Pakcik Ahmad dan Majid Sabil pernah mengadakan lawatan muhibbah ke Madrasah al-Hadi al-Diniyyah malah peranan golongan agama dalam KMM tidak boleh dinafikan. Contohnya, KMM cawangan Perak dikuasai oleh golongan Islam MIAGUS.³²

Hubungan yang rapat antara pengasas MIAGUS, Haji Abu Bakar al-Bakir dengan para aktivis Kaum Muda di Pulau Pinang, Singapura dan Minangkabau telah membolehkan ideaologi Kaum Muda berkembang di MIAGUS. Ini diikuti dengan penubuhan cawangan KMM di Gunung Semanggol oleh Ibrahim Yaakob pada tahun 1937. Menjelang tahun 40-an, pelajar-pelajar di MIAGUS telah menyertai KMM cawangan Gunung Semanggol,

³¹ B. W. Andaya & L. Y. Andaya, *A History of Malaysia*. London : Macmillan Press, 1982, hal. 248 - 249.

³² Shafi'e Ibrahim, *The Party Islam se Malaysia (PAS)*. Master Thesis. London : University of Hull, 1976.

"Penyertaan penuntut-penuntut Il-hya dalam gerakan Kesatuan Melayu Muda bukannya setakat menjadi ahli sahaja tetapi beberapa orang daripada mereka telah menjadi pemimpin apabila KMM cawangan Gunung Semanggol atau seluruh Perak Utara ditubuhkan."³³

Dengan itu dapatlah dilihat pertalian unsur perjuangan Islam dalam Kesatuan Melayu Muda serta hubungannya dengan MIAGUS sebagai pusat lahirnya beberapa pertubuhan bercorak Islam, termasuk Hizbul Muslimin (HAMIM). Sumbangan KMM itu paling tidak dapat dilihat dalam bentuk menyediakan wadah bagi golongan muda (khususnya MIAGUS) menyalurkan aspirasi perjuangan mereka melalui pertubuhan rasmi serta membantu perjuangan pembebasan tanah air dari ikatan penjajah. Pada tahun 1940, beberapa orang pemimpin KMM seperti Ibrahim Yaakob, Ishak Haji Mohammad, Ahmad Boestamam dan Sultan Djenain ditangkap oleh British. Bagaimanapun, bila Singapura jatuh ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942, mereka telah dibebaskan.

Sementara itu, ketika Jepun mula menakluki Tanah Melayu pada tahun 1941, golongan penentang (kiri) termasuk dari KMM, mengambil sikap untuk tidak menentang Jepun secara terbuka. Sebaliknya, mereka juga mengambil pendekatan untuk berbaik-baik pada zahirnya dengan pemerintahan Jepun dengan harapan akhirnya akan berjaya mengambil alih kuasa dari pihak Jepun. Pendirian dan strategi golongan tersebut dicatatkan oleh pejuang KMM, Dr. Burhanuddin al-Helmy (kemudian menjadi pemimpin utama PKMM dan PAS);

³³ Nabir Haji Abdullah, "Maahad Il-Thya As-Syarif Gunung Semanggol 1934 –1959". Latihan Ilmiah. Bangi : Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976; hal. 77.

"Maka ahli-ahli kebangsaan kiri telah mengambil Musa dalam istana Fir'aun. Ada yang tinggal di dalam, ada yang tinggal di luar mengambil bahagian di hutan rimba jadi anti-fascist, ada yang menjalankan gerakan rayat-semut api, harimau dan sebagainya".³⁴

Disebabkan taktik di atas dan Jepun juga memerlukan sokongan mereka untuk menghadapi Inggeris, maka para pemimpin KMM dibenarkan terus bergerak, dan malah ada yang diberikan jawatan tinggi. Misalnya, Ibrahim Yaakob dilantik sebagai ketua pemerintah (*commander in chief*) *Giyu Gun* bagi Pembela Tanah Air (PETA)³⁵ yang ditubuhkan selepas beberapa bulan KMM diharamkan. Walaupun ia gagal mengisytiharkan kemerdekaan Melayu Raya, tetapi semangat perjuangan yang dipelopori oleh KMM tidak luntur dan telah disalurkan selepas Perang Dunia Kedua ke dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Hizbul Muslimin (HAMIM), iaitu gerakan Islam yang pertama yang berkecimpung dalam bidang politik. Perlu dijelaskan bahawa HAMIM merupakan pertubuhan siasah yang paling singkat usianya. Parti ini dilancarkan penubuhannya pada 14 Mac 1948, sewaktu berlangsungnya sidang tahunan Majlis Agama Tertinggi (MATA) di MIAGUS. HAMIM adalah sebuah parti berteraskan keislaman, atas dorongan PKMM dan kesan perjuangan golongan nasionalis yang bergerak diperingkat awal.

³⁴ Kamarudin Jaafar, *Dr. Burhanuddin al-Helmy : Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Anda Sdn. Bhd., 1980, hal. 25.

³⁵ Gambaran pergerakan sosial di Tanah Melayu dalam zaman Jepun bermula dari langkah Jepun membentuk PETA, iaitu pertubuhan ketenteraan yang dianggotai oleh pemuda-pemuda Melayu, terutama bekas ahli-ahli KMM. Pada tahun 1944, PETA menjalin hubungan dengan MPAJA yang didominasikan oleh orang-orang keturunan Cina. Sementara itu pada bulan Julai 1941, muncul KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) dengan tujuan memperjuangkan Tanah Melayu bersama Indonesia, sebahagian besar para pemimpinnya bekas ahli KMM dan PETA. Bagaimanapun, perjuangan KRIS gagal sebab selepas Jepun menyerah kalah, Sukarno dan Hatta telah mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 dengan tidak mengajak Malaya menyertainya. Ibrahim Yaakob yang sama-sama menaja KRIS kemudian melarikan diri ke Indonesia dan menetap di sana sehingga beliau meninggal dunia.

Sumbangan golongan nasionalis dalam membantu melahirkan parti ini memang nyata. Seperti yang telah disentuh, bahawa sebelum Perang Dunia Kedua perjuangan kebangsaan dalam erti kata menyusun kekuatan untuk merebut kemerdekaan telah diterajui oleh kalangan guru dan kaum wartawan baik yang datang dari aliran pelajar Inggeris maupun Melayu, tetapi, dalam waktu yang sama, mereka juga berpadu tenaga dengan para pejuang dari aliran sekolah agama

Misalnya, tokoh agama Haji Othman Abdullah yang mendapat pendidikan di Mesir pernah menganggotai pucuk pimpinan KMM. Cendekiawan dari aliran agama ini juga berkecimpung dalam gerakan kiri tanah air (KITA) yang ditubuhkan di Ipoh pada akhir tahun 1944 dengan tujuan untuk menentang Jepun. Sementara itu, seorang lagi tokoh aliran agama ini, iaitu Ustaz Musa Ahmad pernah menjadi anggota badan redaksi lidah rasmi KITA yang bernama *Suara Rakyat*, kelolaan Ahmad Boestamam. Komitmen golongan agama ini lebih nyata sesudah perubahan PKMM. Dalam pada itu, Dr Burhanuddin Mohd Noor (Al-Helmy) pernah menjadi Naib Yang Dipertua dan kemudian Yang Dipertua PKMM, Ustaz Musa Ahmad sebagai Pesuruhjaya PKMM untuk Negeri Sembilan, sementara Ustaz Kassim dari Pahang ditunjuk sebagai Pesuruhjaya PKMM bagi negerinya

Kemasukan para pejuang dari aliran agama itu ke dalam pertubuhan-pertubuhan kebangsaan tersebut adalah wajar. Ini kerana pada waktu itu, perbezaan latar belakang pendidikan dan pendekatan bukan menjadi penghalang untuk bekerjasama, sebab matlamat mereka adalah sama, iaitu ingin menghalau penjajah (Inggeris) dari bumi mereka. Pernyataan ini juga dapat dipertegaskan lagi melihat pada kenyataan bahawa pada "period" ini belum lahir sebarang organisasi khas yang boleh menampung aspirasi kumpulan agama untuk memperjuangkan politik anti kolonial.

Sebagaimana yang diketahui, bahawa perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan adat di Tanah Melayu ini terletak pada kuasa Sultan-sultan. Dalam keadaan begini, maka agak mustahil untuk mengharapkan akan muncul cendekiawan pemikir Islam yang dapat mendobrak tradisi. Dalam situasi demikian, tentulah sebarang gerakan kebangsaan yang ingin merombak struktur dan cara berfikir masyarakat serta menghapuskan usaha untuk merosak Islam akan menarik minat golongan agama yang radikal, sekalipun dasar perjuangan wadah itu lebih sekular.

Lantaran itu, tidaklah menghairankan kalau PKMM dan sayap pemudanya, API berjaya mendorong para cendekiawan agama di MIAGUS menganjurkan "Persidangan Ekonomi Agama se-Malaya" pada 22 Mac 1947.³⁶ Persidangan itu dianggap penting kerana telah melahirkan dua organisasi, iaitu Pusat Perekonomian Melayu se-Malaya (PEPERMAS) dan Majlis Agama Tertinggi Malaya (MATA).

PEPERMAS adalah badan ekonomi yang dipelopori oleh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir dan dipimpin oleh Haji Ariffin bin Haji Alias. PEPERMAS lahir hasil kesedaran betapa mundurnya taraf ekonomi Bumiputra di tanah airnya sendiri. Menurut Ustaz Abu Bakar, kalau kepincangan itu tidak diperbaiki, maka orang Melayu akan terus menjadi hamba,

"....selagi orang Melayu masih belum punya upaya, menghimpunkan modal kebangsaan selama itulah kita tetap berhamba kepada orang lain (asing)".³⁷

Sehubungan dengan itu, Ustaz Abu Bakar kemudian mempelopori penubuhan UTAMA (Usaha Tenaga Anak-anak Melayu). Ia lahir hasil pakatan ahli-ahli pertukangan

³⁶ Nabir Haji Abdullah, op. cit., 1976, hal. 77.

³⁷ *Utusan Melayu*, 17 Mac 1948, hal. 1

dan perusahaan dari 27 bahagian disekitar Perak. Tujuan utamanya adalah untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan bangsa di bidang perusahaan, mengusahakan segala kepandaian dan kebudayaan tersebut, berusaha mengelolakan mutu hasil perusahaan dan pertukangan serta memurahkan harganya.

Sementara itu, sejajar dengan usahanya untuk memperbaiki kedudukan ekonomi pribumi, maka Ustaz Abu Bakar dalam sidang untuk menubuhkan bank Peladang di samping mengesyorkan supaya dicari ladang PEPERMAS yang diadakan di Pulau Pinang telah mengemukakan gagasannya dan membantu Bank Kebangsaan Melayu. Antara tujuannya, iaitu untuk membantu umat Melayu menghapuskan masalah berkaitan dengan soal bertani, terutama dalam masalah pajak, hutang dan semua padi ratus/kunca.³⁸

MATA puia merupakan sebuah organisasi yang diasaskan pada 24 Mac 1947 di MIAGUS yang berusaha menonjolkan imejnya sebagai wadah komprehensif melalui usahanya untuk menguasai bidang pentadbiran, pendidikan dan politik. Tindakan MATA yang terpenting ialah tuntutannya untuk mengambil alih kuasa dari Raja-raja Melayu yang dianggapnya tidak mampu mengendalikan urusan agama. Langkah itu sudah pasti akan dianggap luar biasa, apatah lagi dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu pada waktu itu yang terkenal mengamalkan konsep 'pantang derhaka'. Mungkin atas kesedaran yang sama, N.J. Funston ketika menanggapi tuntutan MATA itu telah membuat kesimpulan;

"...this was indeed the first institutionalisation of the Islamic reformist stream in Malay nationalism".³⁹

³⁸ *Utusan Melayu*, 5 Disember 1947, hal. 3

³⁹ N.J. Funston, Op. Cit 1980 hal. 88.

Pada bulan Mei 1947, iaitu dua bulan selepas penubuhannya, MATA telah meluaskan sayapnya hingga ke Pulau Pinang dan Kelantan. Dua buah madrasah, masing-masing Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang dan Madrasah al-Ahmadiyah di Pasir Mas merupakan markas tempat lahirnya cawangan MATA di kedua-dua negeri tersebut. Menjelang akhir tahun 1947, cawangan MATA telah ditubuhkan di kesemua negeri di Semenanjung Malaya.

Rancangan MATA yang utama ialah memberi penekanan terhadap aspek pendidikan. Sejak dengan itu, MATA melancarkan projek pendidikan umat menerusi sebuah badan, iaitu Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) yang ditubuhkan pada bulan November 1947. Antara rancangan penting LEPIR termasuk menerbitkan buku-buku teks, menyediakan kurikulum yang seragam untuk sekolah-sekolah agama swasta, meningkatkan tahap pengajian sekolah-sekolah tersebut ke taraf antarabangsa, dan menambah bilangan sekolah-sekolah.⁴⁰

Dalam persidangan yang diadakan pada bulan Mac 1948, LEPIR telah mengambil keputusan untuk menujuhkan Universiti Rakyat dengan dasar *kebangsaan* dan *Islam*. Dr Burhanuddin al-Helmy telah dipilih mengetuai jawatankuasa penubuhan universiti itu. Pendirian LEPIR pada tahap kemudianya yang menyangkut tahap pendidikan ini ialah menolak sistem pendidikan penjajah yang disifatkan berorientasikan materialis dan bertujuan hanya untuk melahirkan perkakas penjajah⁴¹.

Pada keseluruhannya inisiatif sayap Islam menganjurkan Persidangan Ekonomi Agama se Malaya di MIAGUS yang telah melahirkan PEPEMAS dan MATA dapat

⁴⁰ Ibid hal 89.

⁴¹ *Utusan Melayu* 19 Mac 1948 hal. 4.

dianggap sebagai titik permulaan dalam merealisasikan kesinambungan perjuangan membebaskan tanah air dari belenggu penjajah secara bersepadu (*integrated*). Kesepaduan yang dimaksudkan adalah dalam bentuk melahirkan pergerakan-pergerakan sosial dalam berbagai lapangan, motif dan dasar perjuangan dan yang paling ketara adalah melalui kegiatan-kegiatan bercorak ilmiah agar masyarakat perihatin terhadap seluruh aspek kehidupan bermasyarakat dan bernegara, khususnya yang menyangkut bidang pendidikan, ekonomi dan sosial. Ini adalah antara hakikat tersirat yang istimewa di samping mencerminkan kematangan para pemimpin sayap Islam menangani kenyataan semasa demi kepentingan negara dan bangsa pada masa hadapan.

Tetapi, setakat memberi perhatian terhadap bidang pendidikan, ekonomi dan sosial saja tentulah tidak memadai, sedangkan pada kenyataannya kemerdekaan masih belum dicapai. Atas kesedaran itu, maka sejak bulan Januari 1948, MATA telah melantik jawatankuasa khas untuk mengkaji kemungkinan menujuhkan sebuah parti politik Islam. Inisiatif seperti ini memang perlu, kerana azam dan kekuatan yang diperjuangkan melalui wadah politik yang sah, biasanya akan memberi ruang yang besar terhadap kemungkinan tercapai matlamat yang telah digariskan.

Usaha tersebut akhirnya menjadi kenyataan bilamana Hizbul Muslimin (HAMIM) lahir sebagai sayap politik MATA. HAMIM hadir ditengah-tengah gelora sebahagian massa yang menyedari hakikat pentingnya parti politik Islam sebagai cara untuk mendapat mandat dan kuasa untuk tegaknya negara Islam yang memperoleh keredhaan Allah SWT. Iltizam itu boleh ditinjau dari dasar parti ini, iaitu Islam semata-mata dengan tujuannya untuk :

"...mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, mencipta masyarakat yang berdasarkan Islam dan mencapai Tanah Melayu Darul Islam"⁴².

Sementara itu, tumpuan kegiatan parti ini mencakup beberapa aspek. Antaranya usaha-usaha ;

...menginsafkan umat Melayu dalam kesedaran politik dan kegiatan yang beragama Islam dalam suatu ideaologi, melaksanakan kebebasan mencetak, bersidang, berfikir dan mengeluarkan fikiran, membanyakkan sekolah rakyat, mengadakan pelajaran yang selaras dengan tuntutan zaman, memperbaiki akhlak bangsa Melayu berdasarkan Islam, menyusun penghidupaan bangsa Melayu dengan aturan Islam.⁴³

Tiga orang tokoh telah dipilih untuk memimpin parti ini dalam sidang penubuhannya, iaitu Ustaz Abu Bakar al-Bakir (ketua umum), Insinyur Arifin (ketua satu) dan Daud Jamil (ketua dua). Menjelang bulan April tahun 1948, jawatankuasa pentadbir parti telah disusun dan dalam bulan Jun 'Shabab Hizbul Muslimin', iaitu sayap belia HAMIM dibentuk. Oleh kerana cawangan MATA telah dibuka diseluruh semenanjung pada waktu tersebut, maka cawangan HAMIM juga tidak ada masalah untuk digerakkan. Ketika itu keanggotaan HAMIM dianggarkan mencapai 2500 orang. Dalam kenyataannya, parti itu pernah didokong oleh beberapa orang pemimpin utama UMNO dan negara, antaranya bekas Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Saadon Jubir, bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Hassan Yunus dan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Ismail Dato' Abdul Rahman.

Sambutan yang meluas dari masyarakat Islam terhadap parti ini, menimbulkan keimbangan di kalangan banyak pihak , termasuk dari kumpulan nasionalis Melayu

⁴² *Utusan Melayu* ,17 Mac 1948, hal. 1.

⁴³ Ibid., 28 Jun 1948, hal. 2.

konservatif dan penajah Inggeris sendiri.⁴⁴ Misalnya, pemimpin UMNO waktu itu, Dato' Onn bin Jaafar menuduh parti itu berdamping rapat dengan komunis dan pandangan itu dianggap keterlaluan kerana HAMIM secara tegas telah mengemukakan penentangannya terhadap komunis⁴⁵. Sikapnya itu diluahkan dalam satu ucapanya:

"Saya tidak mlarang tetapi saya tidak sudi membenarkan orang Melayu ke Sidang Gunung Semanggol... bahaya dari gunung itu masih ada lagi ditambah pula satu bahaya lagi (Hizbul Muslimin yang tumbuh dari tanah dan menjalar akarnya) pergerakan Hizbul supaya orang-orang Melayu terhapus dan terjatuh kerana sebenar-benarnya parti Islam itu 'merah' ."⁴⁶

Dalam pada itu, kebimbangan Inggeris tergambar dari usahanya untuk menggagalkan parti ini. Misalnya, HAMIM pernah dipaksa agar membatalkan rancangan kempen penerangannya ke negeri-negeri di bahagian utara. Kemuncak tindakan penajah ialah penangkapan borong yang dilakukan ke atas 7 orang pemimpin parti ini termasuk ketua umumnya mengikut Akta Darurat 1948 pada bulan Ogos 1948. Menurut Nabir Haji Abdullah, para pemimpin HAMIM percaya penangkapan itu di dalangi oleh beberapa orang pemimpin kanan UMNO. Dalam hal ini, tindakan Inggeris itu lebih keras berbanding dengan tindakannya terhadap pertubuhan-pertubuhan lain seperti PKMM⁴⁷.

Parti ini hanya dapat bertahan tidak sampai 6 bulan dan dalam sejarah sosial di Tanah Melayu, HAMIM ternyata merupakan parti politik yang hanya dapat mengadakan sekali perhimpunan agung dan tidak sempat mempunyai anggaran dasar atau perlombagaannya sendiri. Walaupun usianya singkat, tetapi kesan kehadirannya cukup

⁴⁴ Abu Bakar al-Bakir, " Gerakan -gerakan politik yang berunsur atau yang berkaitan dengan agama Islam di Malaysia , Kertas kerja dibentangkan kepada pelajar-pelajar kepujian Jabatan Sejarah UKM, sebahagian dari kursus kuliah Tokoh-tokoh Malaysia, Bangi UKM 1973/74.

⁴⁵ N. J. Funston , op. cit., 1980 hal 91.

⁴⁶ Nabir Haji Abdullah, op. cit. , 1976, hal. 187.

⁴⁷ N. J. Funston, op. cit.

penting. Kemunculannya bukan sahaja menampung aspirasi pendokong sayap Islam malah menjadi penerus risalah kebenaran yang telah dirintis oleh golongan reformis-fundamentalis pada peringkat awal. Tafsiran yang lebih penting dalam konteks perjuangan bangsa pada masa itu ialah kehadiran HAMIM akan menyedarkan gerakan massa Melayu, khususnya UMNO, bahawa aspirasi kumpulan Islam di negara ini perlu diambil kira dan mereka juga mempunyai saham serta berhak mewarisi Tanah Melayu yang merdeka. UMNO tampaknya menanggapi hakikat tersebut bilamana parti itu menubuhkan sayap agama (kemudiannya menjadi Parti Islam se Malaysia - PAS) dalam usahanya menyatukan para ulama, pemimpin dan para pendokong sayap Islam. Tindakan parti itu dikira wajar dan tepat pada ketikanya kerana dengan pengharaman HAMIM bererti sudah tidak ada lagi wadah Islam untuk menaungi kumpulan-kumpulan Islam tersebut. Kalau sekiranya UMNO tidak bertindak begitu, boleh jadi akan lahir parti politik Islam yang lain dan senario begini sudah tentu akan menggugat keberkesanan UMNO yang pada waktu itu memang telah tidak disenangi oleh parti-parti kiri di Tanah Melayu. Perhitungan ini mungkin juga terpengaruh dengan usaha UMNO sendiri untuk memperjuangkan kemerdekaan yang sememangnya disokong oleh penajah Inggeris.

Dalam hal ini, kesungguhan UMNO wajarlah dipertikaikan kerana parti itu nyata bersifat selektif dan curiga terhadap tokoh-tokoh agama tersebut. Buktinya dalam usahanya untuk memenangi hati para ulama, UMNO telah menganjurkan persidangan ulama pada 21 - 22 Februari 1950 di Muar. Tetapi, anehnya tokoh-tokoh dan mereka yang terlibat dengan HAMIM tidak dijemput menghadiri sidang itu. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan yang menjadi ahli jawatankuasa tertinggi UMNO merangkap ketua sayap agama, telah menjemput mereka secara senyap-senyap.

Langkah itu bolehlah dianggap sebagai pendirian tegas sayap agama UMNO yang tidak sudi kalau kegiatan mereka dikongkong atau mereka diberi peranan sebagai

boneka semata-mata . Sikap itu telah ditegaskan oleh Ustadz Khairul Khatib, bahawa "bahagian ini tidak bersedia menjadi alat partinya sendiri sebagai sebuah parti nasional".⁴⁸

Sayap agama UMNO pada 23 Ogos 1951, telah menganjurkan persidangannya yang kedua di Kuala Lumpur. Pertemuan ini adalah penting kerana di situ lah dipersetujui pembentukan parti politik yang bebas dari UMNO. Kemudian dalam sidangnya pada akhir tahun lahirlah PAS (Persatuan Islam se Tanah Melayu atau Pan Malayan Islamic Party).⁴⁹

1.3. Parti Islam se Malaysia (PAS) : Penerus Risalah Perjuangan Golongan Reformis - Fundamentalis Islam.

PAS merupakan parti politik Islam yang tertua dalam konteks Malaysia yang masih dapat mempertahankan pengaruhnya hingga saat ini. Ada beberapa pendapat yang dikemukakan berhubung dengan waktu penubuhan parti tersebut. Menurut Amaluddin Darus, pada bulan Ogos 1951, berlangsunglah dengan rasmi penubuhan Persatuan Islam se Malaya atau ringkasnya PAS.⁵⁰ Dalam Utusan Melayu telah dilaporkan bahawa;

"Hasil perjuangan alim ulama yang dilangsungkan di Butterworth, Sabtu 24 November 1951, maka sebuah parti politik yang bernama Persatuan Islam se Malaya telah muncul"⁵¹

⁴⁸ Wawancara Paridah Ali dengan Ustadz Khairul Khatib di Kota Bharu pada 12 Mei 1974. (Lihat Paridah Ali, *Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam se Malaya (PAS) di Kelantan (1953 - 1959)*, Latihan Ilmiah. Bangi : Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/1975.

⁴⁹ Nabir Haji Abdullah, op. cit. , 1976, hal. 208 - 210.

⁵⁰ Amaluddin Darus, *Kenapa Saya Tinggalkan PAS* , Kuala Lumpur : Harimau Press, 1977.

⁵¹ *Utusan Melayu*, 29 November 1951.

Dalam sejarah sosial di Malaysia, PAS menjadi parti politik Islam yang kedua lahir di tengah-tengah gelora golongan massa simpatisan dan pejuang Islam yang ingin mendirikan pemerintahan Islam di Tanah Melayu ini. Hadirnya PAS mempunyai erti yang tersendiri kerana ia akan memberi ruang kepada sayap Islam untuk meneruskan tradisi perjuangan yang telah dirintis oleh golongan reformis-fundamentalis Islam. Malah kemunculannya patut dihargai sebagai penebus maruah para pendokong Islam kerana di Tanah Melayu ketika itu terdapat gambaran seolah-olah kaum ulama 'belum sanggup berdiri sendiri'.⁵² Parti ini lahir tepat pada waktunya, iaitu ketika terjadinya 'kekosongan wadah Islam' kesan dari pengharaman HAMIM dan penangkapan para pemimpinnya akibat dikuatkuasakan Undang-undang Darurat 1948. Kesinambungan antara HAMIM dan PAS adalah sesuatu yang nyata;

"...PAS's origins can be traced back to early 1948, when a Malayan Muslim Party was officially launched by Islamic religious leaders and ulama (Muslims theologians) at the meeting of the Majlis Agama Tertinggi (Supreme Religious Council)".⁵³

PAS menjadi parti politik yang pertama secara terang-terangan menjadikan Islam sebagai landasan perjuangannya. Cita-cita utama parti ini ialah;

"...memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum - dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah".⁵⁴

⁵² Ibid, 30 Oktober 1951.

⁵³ Alias Mohammad, *Malaysia's Islamic Opposition : Past, Present and Future*, Kuala Lumpur : Gateway Publishing, 1991, hal. 11.

⁵⁴ Perlembagaan PAS fasal (2) 2. (1). Lihat juga Deklarasi 17 Syawal 1399 H yang dirmuatkan dalam *Suara Islam*, November 1979, hal. 4.

Dalam usaha menuju cita-citanya, PAS menyatakan ikrar dan keazamannya untuk berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah⁵⁵. Untuk pembangunan umat, PAS mengambil pendekatan mendokong kaedah *salafiyyah* dengan bermodelkan generasi Islam yang awal;

"Penganjur-penganjur Islam adalah sepandapat 'La Yanju Malahan Lil Muslimina Illa Bima Salahabihi assalahu = Tidak ada harapan memperbaiki umat muslimin melainkan dengan cara apa yang telah membaiki umat muslimin angkatan yang mula pertama itu juga (as-sadru awwal)".⁵⁶

Pada tahap awal perkembangannya, PAS lebih bergerak sebagai sebuah pertubuhan sukarela dan para anggotanya dibenarkan mengambil bahagian dalam parti-parti politik lainnya. Tetapi perkembangan-perkembangan yang berlaku kemudian, khususnya setelah Dato' Onn yang telah keluar dari UMNO menubuhkan '*National Conference*' sementara gabungan UMNO - MCA menaja '*National Convention*', maka PAS terpaksa menentukan sikap.⁵⁷ PAS sesungguhnya menyedari hakikat bahawa mereka tidak mungkin akan memperolehi kemerdekaan tanpa kerjasama dengan salah satu dari kedua gagasan di atas. Dengan itu, pada September 1953 diadakan mesyuarat khas PAS di Tanah Liat, Bukit Mertajam untuk membincangkan sikap yang perlu diambil. Haji Ahmad Fuad mahu supaya PAS menyokong '*National Conference*' sebab beliau terlibat di dalamnya. Sementara PAS Pasir Mas, Kelantan mengusulkan

⁵⁵ Ibid. Lihat juga Shafie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia : Its Formative Stages and Ideology*. Kelantan: t. p., 1981, hal. 107 -109.

⁵⁶ *Suara Islam*, Ogos 1958, hal. 7

⁵⁷ National Conference adalah gagasan yang dibawa oleh Dato' Onn dan 7 orang Menteri Besar di satu perjumpaan di rumah Menteri Besar Dato' Panglima Bukit Gantang pada 24 April 1953. Tujuannya untuk merancang jalan bagi Tanah Melayu yang bersatu, bebas dan merdeka. (Lihat Khong Kim Hoong, *Merdeka : British Role and The Struggle for Independence in Malaya 1945 -1957*, Petaling Jaya : Insan, 1984, hal. 176 - 180. Lihat juga G. P. Means, *Malayan Politics*. London : University of London, 1970, hal. 143 - 144.) National Convention ditaja oleh UMNO (pimpinan Tunku) dan MCA sebagai reaksi terhadap National Conference. Tujuannya untuk mendapat kemerdekaan dari British secepat mungkin. Lihat Khong Kim Hoong, Ibid, hal. 180 - 182.

agar disokong 'National Convention' kerana tuntutannya untuk merdeka. Keputusannya PAS akan menyokong 'National Convention' dan sekiranya didapati sesuatu bertentangan dengan kepentingan cita-cita perjuangannya, maka PAS akan menarik diri.⁵⁸

Keputusan yang dicapai itu menyebabkan Haji Ahmad Fuad meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua PAS. Langkah tersebut memang tidak menghairankan kerana beliau adalah penyokong kuat Dato' Onn. Kesan dari itu, maka ibu pejabat PAS dipindahkan dari Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam milik Haji Ahmad Fuad ke madrasah yang dikuasai oleh Haji Ahmad bin Haji Abdullah dan Haji Ahmad Malik di Kepala Batas. PAS pernah hadir dua kali dalam mesyuarat 'National Convention' dan dalam perjuangan kemerdekaan Malaya, sekurang-kurangnya nama PAS ada disebut oleh delegasi Perikatan sebagai suatu tenaga yang juga menghendaki kemerdekaan.⁵⁹ Selepas pengunduran Haji Ahmad Fuad, PAS yang dipimpin oleh Dr. Haji Abbas kurang aktif kerana beliau terikat dengan tugas-tugasnya sebagai pegawai pemerintah.

Ahli-ahli PAS menyedari hakikat itu, dan pada muktamar PAS kelima pada 23 Disember 1956, Dr. Burhanuddin al-Helmy⁶⁰ dipilih sebagai Yang Dipertua baru Sesuai dengan statusnya, maka lapangan politik adalah gelanggang pertama yang diceburi oleh PAS. Ujian politiknya yang terawal, iaitu pilihanraya Persekutuan Tanah Melayu pertama pada tahun 1955 bagi memilih wakil-wakil ke Majlis Perundingan Persekutuan.

⁵⁸ Shafei Ibrahim, op. cit., 1981, hal. 51-52; *Warta Negara*, 27 September 1953.

⁵⁹ Amaluddin Darus, op.cit., 1977, hal. 19

⁶⁰ Sejarah perjuangan dan sumbangsan beliau diperincikan oleh Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin al-Helmy : A Political Biography", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1972. Lihat Kamaruddin Jaafar, op. cit., 1980. Lihat juga Abdullah Hussain, "Burhanuddin al-Helmy: Pelopor Kebangkitan Semangat Kebangsaan Melayu", *Dewan Masyarakat*. Kuala Lumpur : DBP, November, 1969.

Dari 11 orang calonnya yang bertanding, PAS hanya menang satu kerusi mewakili kawasan Krian Perak bila wakilnya Tuan Haji Ahmad Tuan Hussain mengalahkan calon UMNO, Haji Sulaiman Palestin. Kemenangan itu penting kerana ia memberi sinar harapan untuk perjuangan yang seterusnya.

Selepas pilihanraya itu usaha-usaha untuk memperkenalkan PAS kepada masyarakat ditingkatkan dan sambutannya cukup baik. Ratusan buah sekolah pondok dan madrasah, khususnya di Kelantan, Kedah dan Terengganu, Perlis dan Perak telah berperanan sebagai penyambung lidah perjuangan PAS. Antara yang membantu perkembangan itu ialah faktor ketokohan dan kepimpinan PAS sendiri;

"hal ini sangat menarik guru-guru agama kerana PAS di pimpin oleh mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan cita-cita untuk mendirikan hukum-hukum Islam yang selama ini banyak tidak menyenangkan guru-guru agama dan pelajar-pelajarnya".⁶¹

Namun begitu, disebabkan pada waktu ini politik perkauman begitu ketara sekali menguasai politik negara, yang diburukkan dengan gejala-gejala sosial seperti wujudnya prasangka golongan berpendidikan sekular terhadap perjuangan yang bersimbolkan Islam, maka sedikit sebanyak ia memberi kesan kepada perjuangan pendokong-pendokong Islam, khususnya yang bergerak bersama PAS. Malah sejarah juga membuktikan bahawa faktor-faktor perkauman juga yang menjadi unsur penting dalam kemerdekaan Tanah Melayu yang dipertanggungjawabkan kepada parti Perikatan.

⁶¹Ahmad Kamar, *Islam Tercabar*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Ilmu, 1979, hal. 78.

1.4. Rasional Kajian

Lahirnya pergerakan-pergerakan Islam di Malaysia yang bermula dari masa sebelum merdeka hingga zaman selepasnya, merupakan satu keadaan yang sesungguhnya telah mencorakkan sejarah politik nasional dan negara. Ini dengan nyata dapat dilihat dari suasana yang mendorong kelahirannya, perkembangannya, sumbangannya dan matlamatnya yang mempunyai misi dan wawasan yang komprehensif. Antara sumbangan besar dari perjuangan pergerakan-pergerakan Islam tersebut ialah membantu mewujudkan suasana yang dikenali sebagai kebangkitan Islam dan mengatur pengisian kepada suasana yang istimewa itu.

Sebenarnya, fenomena kebangkitan Islam di Malaysia mula ketara sejak awal tahun-tahun 1970an dan kewujudannya telah menjadi tumpuan perbincangan dan penyelidikan yang utama di kalangan pelbagai pihak di mana kupasan dan analisis yang lebih ilmiah cuba menjelaskan faktor kebangkitan ini. Dalam mengkaji perkembangan ini sememangnya perbincangan sudah pasti turut memberi tumpuan kepada gerakan-gerakan Islam. Dalam dekad 80-an ini terutamanya, pergerakan Islam yang berbagai bentuk dan corak telah menghangatkan suasana kebangkitan semula Islam. Perkembangan Islam di Malaysia bukan suatu yang asing, malah terus mendapat perhatian antaranya kerana telah mencetuskan satu revolusi kebudayaan yang terbesar dalam sejarah serantau.⁶² Dalam hal ini, bahang kebangkitan Islam tersebut begitu terasa sekali. Ia merupakan fenomena yang melibatkan sambutan oleh segenap lapisan masyarakat, terutama generasi muda, di samping menimbulkan reaksi meluas dari pelbagai pihak. Dari penyertaan aktif generasi muda yang mempunyai semangat

⁶²Kenyataan ini diuraikan secara terperinci oleh Dr. Siddiq Fadhil dalam rencananya bertajuk "Pengislaman Dunia Melayu : Transformasi Kemanusiaan dan Revolusi Kebudayaan," terjemahan Kamariah Ahmed, *Dewan Budaya*, November 1990, hal. 36-39.

A509137848

kelslaman yang tinggi, masyarakat telah dapat menyaksikan satu gerakan yang begitu tersusun dan pendekatan serta wadah yang begitu sistematik sekali. Generasi muda selepas merdeka temyata sebahagiannya sedar terhadap peri pentingnya Islam melandasi perjuangan mereka dan mahu agar matlamat yang mereka gariskan dicapai melalui satu organisasi yang tersusun. Kesannyalah berbagai bentuk gerakan yang berpegang kepada Islam sebagai landasannya.

Walau bagaimanapun, kemunculan kelompok-kelompok ini tidak begitu disedari oleh masyarakat seluruhnya dan setakat ini terdapat minat di kalangan beberapa pihak untuk mengkaji peranan golongan tersebut serta pelbagai tafsiran cuba diberikan kepada sebab kemunculan gerakan-gerakan itu. Antara beberapa penulis yang sering berbicara tentang topik ini ialah Prof. Madya Mohammad Abu Bakar yang pada pokoknya melihat kebangkitan Islam di Malaysia berkait rapat dengan 'pendidikan kembali' (*re-education*) mengenai Islam yang diterima oleh generasi muda di kalangan orang-orang Melayu.⁶³ Bagi Chandra Muzaffar beliau menekankan bahawa faktor penyumbang kepada kebangkitan ini ialah '*ethnic dichotomization*' di mana masyarakat Melayu ingin mengekalkan ideantiti Melayu mereka dan ini diperjuangkan melalui landasan Islam.⁶⁴

Selain daripada itu, perkembangan pergerakan Islam sering juga ditinjau dari sudut pergolakan di kalangan mahasiswa di mana gerakan Islam begitu aktif sekali⁶⁵ telah cuba membuat satu analisis terhadap pertumbuhan gerakan dakwah di peringkat

⁶³ Mohammad Abu Bakar, "Kebangkitan Islam dan Proses Politik di Malaysia." Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Kuala Lumpur : 8-9 September 1979, hal. 1-2

⁶⁴ Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, Petaling Jaya : Fajar Bakti, 1987.

⁶⁵ Zainah Anwar, *Islamic Revivalism : Dakwah Among The Students*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1987.

belia, terutamanya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan juga ahli-ahli professional muda. Tidak dapat dinafikan bahawa tulisan-tulisan tersebut telah menambahkan sedikit pengetahuan terhadap perkembangan Islam di Malaysia dari perspektif yang berbeza dan juga mengenai perkembangan gerakan-gerakan Islam secara khusus.

Satu trend yang dapat dikesan dari gerakan Islam ialah usahanya untuk menyalurkan aspirasi masing-masing kepada pihak pemerintah di mana pihak kerajaan merupakan kumpulan sasar yang penting. Ini tidak menghairankan kerana seperti yang diketahui, gerakan Islam mendokong satu matlamat, iaitu membentuk *Daulah Islamiyyah* dan pihak kerajaan perlu didesak agar dasar-dasar pemerintahan negara dilandaskan kepada Syariat Islam. Sehubungan dengan itu, gerakan-gerakan Islam sentiasa mendesak pihak pemerintah untuk menerima pandangan-pandangan mereka. Oleh itu pengkaji juga berminat untuk melihat sejauhmana keberkesanan gerakan-gerakan ini sebagai satu kuasa pendesak dan juga sebagai badan rujukan kepada masalah-masalah masyarakat. Ini kerana realitinya gerakan-gerakan Islam kini telah bergerak dalam segenap bidang baik dalam ekonomi, politik, pendidikan, pentadbiran dan sebagainya. Ringkasnya, gerakan Islam kini telah mampu menjadi jurubicara untuk menegakkan yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar.

1.5. Tujuan kajian

Kajian ini merupakan usaha untuk melihat dan memaparkan secara terperinci segala aspek yang mempengaruhi pergerakan-pergerakan Islam tempatan seperti sejarah kelahiran, pendekatan, peranan, kegiatan, sumbangsan, kepimpinan, aliran, misi dan wawasan perjuangan. Penekanan utama ialah kepada aspek-aspek yang

berhubung dengan perkembangan sosial dan peranan gerakan Islam sebagai golongan pendesak (*pressure groups*).

Sejarah kelahiran pergerakan-pergerakan Islam tempatan, terutama selepas merdeka nyata antara lainnya didorong oleh perkembangan dan peningkatan kesedaran masyarakat. Kita sedia maklum, bahawa anggota sosial yang paling mendapat perhatian semasa era penjajahan ialah mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan Barat atau sekurang-kurangnya yang boleh berkerjasama dengan mereka. Keistimewaan yang mereka nikmati ternyata berkekalan kerana golongan tersebut juga yang akhirnya menerajui kepimpinan negara bila kemerdekaan telah diperolehi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat usaha kelompok-kelompok berkenaan untuk meletakkan Islam pada satu tapak yang kukuh. Misalnya langkah menjadikan Islam sebagai agama rasmi seperti yang termaktub dalam perkara 3 (1) Perlembagaan Malaysia. Namun begitu, kelemahan yang paling ketara ialah Islam tidak dihayati sebagai satu cara hidup sebaliknya penekanan terhadap Islam memadai sebagai program '*ritual*' atau sebagai agama warisan.

Lahirnya PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia) pada tahun 1961 merupakan titik peralihan ke arah mengajak masyarakat supaya menghayati Islam seutuhnya. Gerakan pelajar Islam ini telah diperjuangkan oleh masyarakat pelajar yang antara lainnya tidak dapat menerima nilai-nilai Barat yang mendominasi institusi-institusi pendidikan pada waktu itu. Hakikat sejarah telah membuktikan bahawa PKPIM akhirnya menjadi sumber inspirasi terhadap kelahiran wadah-wadah Islam yang bukan bercorak kepartian. Justeru itu dalam kajian ini, pembicaraan yang berkaitan dengan kenyataan tersebut akan diberi keutamaan.

Di samping itu, pada masa ini boleh dikatakan bahawa pergerakan-pergerakan Islam yang ada, mempunyai pendekatan dan pengikut yang berbeza. Keta'asuhan para penyokong sesuatu jemaah terhadap wadah dan para pemimpin mereka , juga telah menimbulkan implikasi-implikasi sosial. Hal ini sudah pasti merupakan sesuatu yang menarik untuk dikaji. Dari beberapa gambaran di atas, bolehlah dikatakan bahawa tujuan utama kajian ini antara lain, cuba melihat;

1. Kesan kemunculan pergerakan-pergerakan Islam terhadap perkembangan sosial masyarakat majmuk di Malaysia.,
2. Sejauhmana kekuatan pengaruh Islam sebagai satu kuasa, mampu mempengaruhi perkembangan sosio-politik di dalam negeri.
3. Pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh pergerakan-pergerakan Islam dalam menyelesaikan masalah masyarakat.
4. Sikap pemerintah terhadap kewujudan pergerakan-pergerakan Islam sebagai golongan pendesak (*pressure group*).

1. 6. Skop Kajian

Selaras dengan kepelbagaiannya corak, peranan dan komitmen pergerakan-pergerakan Islam, maka kajian ini hanya akan membincangkan perkembangan gerakan-gerakan Islam yang melibatkan diri dengan wadah politik dan bercorak sosial. Pemilihan ini dibuat kerana badan-badan dakwah yang dimaksudkan boleh dianggap 'mewakili' sebahagian besar daripada corak dan trend kepimpinan serta kegiatan Islam yang dilaksanakan sepanjang tahun tempoh kajian ini, iaitu 1975-1985. Di samping itu, pemilihan tersebut juga berdasarkan peranan yang dimainkan oleh gerakan-gerakan Islam yang bercorak politik yang dominan seperti PAS serta gerakan-gerakan Islam yang bukan parti seperti ABIM, PKPIM, Al-Arqam dan Jamat Tabligh yang begitu

dinamis dan memberi kesan yang ketara sekali dalam mempengaruhi perkembangan sosial semasa.

PAS umpamanya sejak kelahirannya pada tahun 1951, telah menjadi satu kuasa yang sangat diberi perhatian oleh kerajaan dan juga masyarakat seluruhnya, kerana keazamannya untuk merealisasikan cara hidup Islam dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Begitu juga dengan ABIM dan PKPIM melalui pendekatan mutakhimya yang 'accommodative', serta Al-Arqam yang memberi penekanan kepada aspek ekonomi dan mengutamakan sunnah dalam kehidupan hariannya.

Apa yang lebih penting ialah ABIM, PKPIM dan Jamaat Tabligh khususnya merupakan badan-badan Islam yang dari masa ke semasa meningkat bilangan ahlinya. Ia juga merupakan pertubuhan-pertubuhan Islam yang bergerak secara bebas (*non-partisan*) tanpa sebarang ikatan kepada pihak kerajaan. Ini berbeza dengan badan-badan Islam seperti Institut Dakwah Islamiyah Malaysia (INDAH), Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) , Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) dan United Sabah Islamic Association (USIA) yang lebih berbentuk badan pengurusan dan tidak dinamis serta agresif dari segi pergerakan. Malah badan-badan yang disebutkan itu tidak mempunyai satu organisasi tersendiri, sebaliknya terikat dengan pihak pemerintah.

Kajian ini secara khususnya ditumpukan kepada perkembangan gerakan-gerakan Islam dalam jangka masa 1975 - 1985. Ini kerana dalam waktu itu terjadi beberapa perkembangan yang mengejutkan seluruh dunia, seperti kebangkitan semula Islam yang disemarakkan dengan revolusi Islam yang melanda Iran pada tahun 1979

dan perlaksanaan undang-undang Islam di Pakistan oleh bekas Presidean Muhammad Zia ul-Haq.

Selain itu, dalam jangka masa tersebut, gerakan-gerakan Islam yang telah mencapai puncak kegemilangannya mula menghadapi cabaran dan masalah-masalah dalaman. Paling ketara dalam ABIM di mana pengaruh dan kedudukannya yang begitu mantap pada dasawarsa 70-an, akhirnya terpaksa menghadapi semacam krisis kepercayaan bilamana bekas Presidennya Saudara Anwar Ibrahim, memasuki UMNO pada tahun 1982. Langkah itu berikutan dengan adanya perubahan dalam corak pemerintahan negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah memberi ruang kepada Islam, untuk mengisi beberapa kekosongan dan menjadi alternatif kepada sistem pentadbiran yang baik⁶⁶.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh kerajaan sebenarnya merupakan 'aset' yang secara tidak langsung telah memenuhi sebahagian tuntutan wadah-wadah Islam yang ada. Melalui dasar itu, ternyata beberapa gagasan Islam telah diterapkan dan secara tidak langsung memberi ruang kepada gerakan-gerakan Islam bergerak dengan lebih bebas. Dengan ruang yang ada, kajian ini akan cuba menyentuh setakat mana pentingnya gerakan -gerakan Islam tersebut dalam menentukan arah serta struktur sosio-politik masyarakat Malaysia.

1.7 Penutup

Pembicaraan yang berkaitan dengan Pergerakan Islam dalam konteks Malaysia,

⁶⁶ Mohd Nor Nawawi, "Gerakan Islam di Malaysia", Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Gerakan Islam di Dunia Melayu, di Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya pada 15-16 Disember 1986, hal. 19. Lihat juga John Gullick dan Bruce Gale, *Malaysia : Its Political and Economic Development*. Petaling Jaya : Pelanduk Publication, 1986.

adalah aktiviti yang secara langsung menyentuh kedudukan, pengaruh dan perkembangan Islam sebagai 'agama' dan kuasa yang mencorakkan kehidupan massa. Seperti yang kita maklum bahawa usaha untuk menegakkan Islam sebagai 'a way of life' di mana sekalipun tidak mudah, apatah lagi dalam konteks negara ini yang pemah dijajah dan struktur sosialnya mempunyai kepelbagaian agama, bahasa dan kebudayaan. Namun apa yang boleh kita lihat, bahawa Islam walaupun mengalami pasang surut, tetapi masih terus bertahan yang antara lain kerana sebahagian penganutnya masih istiqamah terhadap agama itu.

Wujudnya suasana atau keadaan itu sebenarnya bukan secara kebetulan, tetapi kerana komitmen dan sumbangan para pendukung Islam pada tahap awal yang bergerak dalam pelbagai nama dan kegiatan. Antara yang perlu diketengahkan adalah keberkesanan perjuangan reformis-fundamentalis Islam. Ini sedikit sebanyak berkait rapat dengan pendekatan-pendekatan dakwahnya yang komprehensif, iaitu dalam bentuk pemaparan secara langsung, menolak nilai-nilai yang tidak bersifat Islam dan melalui penerangan sejarah⁶⁷.

Insitusi pendidikan adalah aspek penting yang banyak membantu menyebarkan pengaruh Islam sehingga boleh melandasi perjuangan dan menjadi ideaologi, khususnya bagi HAMIM dan PAS pada era penjajahan. Dalam hubungan ini, sekolah-sekolah pondok sebagai sarana kegiatan dan kehidupan tradisional paling ketara sekali membantu dalam melahirkan penyokong-penyokong pergerakan yang bercorak Islam dengan pelbagai dimensi perjuangan. Anggota-anggota sosial ini temyata mengambil kira faktor persekitaran dalam usahanya untuk menyebarkan dakwah dan mencapai

⁶⁷ Mohammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideaal : Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, Kuala Lumpur : DBP, 1987. Hal. 34

kemerdekaan. Buktinya ialah mereka tidak keberatan bekerjasama atau membantu rakan-rakan mereka walaupun dari kelompok yang berbeza. Kenyataan ini dapat dilihat daripada peranan yang dimainkan oleh beberapa buah institusi Islam pada waktu itu. Misalnya, Madrasah al-Diniyyah bukan sahaja sebagai kubu bagi melahirkan mujahid-mujahid Islam , tetapi pernah menjadi tempat perlindungan anggota API dan AWAS pada dekad 40-an.

Sebuah lagi institusi yang peranannya lebih besar dalam menyebarkan pengaruh Islam ialah MIAGUS . Di samping sebagai tempat lahirnya institusi-institusi politik dan ekonomi, ada antara kegiatan-kegiatannya yang secara langsung memaparkan 'jalinan' perhubungan antara pergerakan-pergerakan yang bercorak kebangsaan dengan yang Islam seutuhnya. Misalnya 3 orang pelajar Maahad ini yang aktif telah menghadiri mesyuarat perasmian PKMM di Ipoh pada 10 November - 3 Disember 1945. Mereka terdiri daripada Baharuddin Latif, Othman Hamzah dan Yunus Yatimi, yang kemudiannya bergerak dalam API dan seterusnya dalam PAS.⁶⁸

Dari secebis hakikat di atas dapat dikatakan bahawa Islam menjadi panduan perjuangan penting dalam usaha mengukuhkan perjuangan pembebasan bangsa dan negara dari belenggu penjajah. Selain dari komitmen para pendokongnya, maka pendekatan yang sederhana seperti sanggup berkerjasama dengan kumpulan lain antara yang memungkinkan sayap Islam mempunyai saham dalam perjuangan kemerdekaan seperti yang termuat dalam sejarah. Malah Islam terus berpengaruh selepas dekad 50-an, walaupun faktor perkauman menjadi asas penting ketika Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

⁶⁸ Firdaus Abdullah, op. cit., 1985, hal. 33.